

SOALAN NO. 64**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan menetapkan tempoh 15 tahun ini sebagai tanda aras untuk menyerap jawatan tetap bagi kakitangan kontrak kerajaan dan adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan tempoh penyerapan tetap automatik ini hanya kepada tempoh yang lebih rendah lagi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (Contract of Service) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan langkah ini merupakan suatu bentuk penghargaan ke atas perkhidmatan pegawai lantikan kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun.

Asas kepada tempoh 15 tahun dijadikan sebagai syarat pelantikan tetap adalah berdasarkan dua (2) faktor utama seperti berikut:

- (i) menunjukkan kesetiaan pegawai lantikan kontrak untuk terus kekal berkhidmat dalam perkhidmatan awam; dan
- (ii) mengekalkan perkhidmatan pegawai yang telah dinilai tahap kepakaran dan kemahiran untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan.

Oleh yang demikian buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan tempoh syarat berkhidmat iaitu sekurang-kurangnya 15 tahun kepada tempoh yang lebih rendah lagi bagi tujuan lantikan ke jawatan tetap.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (65)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 OGOS 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]

SOALAN :

YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha berkesan untuk menangani masalah 'kembar siam' yang kini menghimpit rakyat iaitu kenaikan kos sara hidup dan pengangguran.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan melihat dari pelbagai perspektif utama dalam usaha untuk menangani kenaikan kos sara hidup dan di antaranya termasuk;

Pertama: Memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga di mana usaha berterusan untuk mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah terutamanya keperluan asas.

Kedua: Kementerian Kewangan akan mengkaji dan menimbang semula beberapa perkara seperti had pelepasan cukai dinaikan dan ditambah perkara-perkara yang boleh dikecualikan daripada cukai kepada golongan M40, pelepasan cukai bagi kos penjagaan anak ke atas ibu bapa dan penstrukturan semula cukai pendapatan ke atas golongan berpendapatan sederhana.

Ketiga: Cadangan Kementerian Sumber Manusia dan Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) dengan pendekatan *Productivity-Linked Wage System (PLWS)* bagi menggalakkan majikan memberi kenaikan gaji yang berpatutan sesuai dengan produktiviti pekerja.

Keempat: Meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang di mana tahap literasi dan keupayaan pengurusan kewangan diperkukuh sepanjang tahap kehidupan untuk memupuk pengurusan kewangan berhemat dari usia muda serta untuk mengelakkan kadar keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), masalah pengangguran telah mempengaruhi pasaran buruh dan ianya menjadi satu daripada komponen penting dalam pembangunan modal insan. Bagi mengatasinya, Kerajaan memberi tumpuan kepada empat (4) bidang fokus utama iaitu:

Pertama; **Bidang Fokus A** iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh di

mana Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang. Kerajaan turut memberi tumpuan dalam mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Keduanya; **Bidang Fokus B** iaitu mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan industri di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET.

Ketiga; **Bidang Fokus C** iaitu memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat; **Bidang Fokus D** iaitu menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

2 Ogos 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH: : 2 OGOS 2017

SOALAN : 66

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status projek menaik taraf infrastruktur Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) yang telah diumumkan peruntukannya dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian dalam proses penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) daripada petender-petender. Laporan berdasarkan CTK tersebut akan dihantar dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian sebelum ia dihantar ke Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Surat Setuju Terima (SST) kepada petender yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada bulan September 2017. Kerja-kerja menaik taraf dijangka akan mengambil masa selama 36 bulan (3 tahun) bermula September 2017 dan dijangka siap pada September 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 67

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai projek-projek pelabuhan yang sedang dirancang dan sedang dijalankan dengan penglibatan syarikat pelabur China, nilai projek yang terbabit, serta syarat-syarat yang ditetapkan terhadap pelabur China tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat dua buah projek pembangunan pelabuhan yang sedang dijalankan dan melibatkan pelaburan syarikat China iaitu projek pembangunan *New Deep Water Terminal* (NDWT) di Pelabuhan Kuantan dan projek *Melaka Gateway* di Melaka.

Bagi projek NDWT di Pelabuhan Kuantan, ianya dilaksanakan menerusi *Special Purpose Vehicle* iaitu kolaborasi di antara Kuantan Port Consortium (KPC) dengan Guangxi Beibu Gulf International Port Group (GBGP). GBGP telah melabur sebanyak RM3 bilion terhadap pembangunan NDWT dan penyediaan kemudahan pelabuhan yang lengkap.

Manakala bagi projek *Melaka Gateway* di Melaka, projek ini merupakan usahasama anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Chief Minister Incorporated (CMI) dengan syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. bersama syarikat pelabur-pelabur China iaitu, Power China International Group Ltd., Shenzhen Yantian Port Group Ltd., Rizhao Port Group Ltd. Kos keseluruhan pembangunan *Melaka Gateway* dianggarkan berjumlah RM40 bilion.

Mengambil kira pelaburan oleh syarikat-syarikat China tersebut merupakan pelaburan swasta dan Kerajaan dengan syarat-syarat tertentu maka tidak ada sebarang *preferential treatment* yang diperuntukan. Dengan itu, syarikat China tersebut adalah tertakluk kepada peraturan kewangan dan pelaburan negara yang sedang berkuat kuasa.

SOALAN (68)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 2 OGOS 2017
[RABU]
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

SOALAN :-

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah status Kementerian dalam menambah dan menaik taraf jentera bomba baru yang dilengkapi kemudahan dan peralatan moden termasuk tangga yang mampu melakukan kerja menyelamatkan di kawasan tinggi di Balai Bomba Bintulu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk menempatkan sebuah jentera bertangga yang baharu jenis *Arial Ladder Platform* (ALP) pada tahun 2018 di Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu. ALP berfungsi untuk melaksanakan operasi penyelamatan dan pemadaman kebakaran di bangunan tinggi dan dilengkapi dengan tangga teleskopik yang boleh ditegakkan setinggi 37 meter. Pada masa ini proses perolehan jentera tersebut sedang dilakukan dan akan ditempatkan di Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu setelah diterima dari pihak pembekal.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017